

1 (a) Nyatakan dokumen sumber yang terlibat bagi urus niaga berikut:

- (i) Kedai Gan membayar gaji pekerjaanya setiap hujung bulan.
- (ii) Syarikat Asmawi Sdn. Bhd. menerima dokumen yang menyatakan sejumlah RM550 dividen atas pelaburan telah ditambahkan ke dalam akaunnya.

[2 markah]

(b) Nyatakan akaun kontra bagi akaun yang berkaitan di bawah.

	Akaun Berkaitan	Akaun Kontra
(i)	Akaun Modal	
(ii)	Akaun Belum Terima	

[2 markah]

(c) Maklumat yang berikut menunjukkan kesilapan dilakukan oleh seorang kerani akaun.

Belian mesin pencetak berkos RM470 telah direkodkan sebagai belian barang niaga.

Betulkan kesilapan tersebut melalui Jurnal Am (abaikan keterangan).

[2 markah]

(d) Perniagaan Jiajia menjual barang niaga kepada Joyce pada 4 Oktober 2023 dengan harga senarai RM2 300 tertakluk kepada 20% diskaun niaga dan 10% diskaun tunai sekiranya hutangnya dijelaskan dalam tempoh 7 hari.

Pada 7 Oktober 2023, Joyce memulangkan barang rosak pada harga senarai RM300.

Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Joyce kepada Perniagaan Jiajia sekiranya hutang dibayar pada 10 Oktober 2023.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Gina Enterprise pada 30 Jun 2023.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2022	9 000
Inventori pada 30 Jun 2023	11 000
Kos Jualan	36 000

Hitungkan Kadar Pusing Ganti Inventori pada tahun tersebut.

[2 markah]

- 2 Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan Taman Puteri bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 adalah seperti berikut.

Kelab Sukan Taman Puteri Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023			
	RM		RM
Baki b/b	40 560	Kadar bayaran	1 650
Jualan kantin	25 550	Alatan sukan	8 680
Yuran ahli	10 040	Belanja am	240
Yuran masuk	880	Alat tulis	120
		Majalah	760
		Akaun Belum Bayar kantin	12 000
		Insurans	1 500
		Honorarium	2 000
		Upah pekerja kantin	1 700
		Baki h/b	48 380
	<u>77 030</u>		<u>77 030</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Baki daripada buku-buku Kelab Sukan Taman Puteri adalah seperti berikut:

	1 Julai 2022 RM	30 Jun 2023 RM
Alatan sukan	2 000	9 530
Bangunan kelab	89 000	86 000
Inventori kantin	2 960	2 870
Akaun Belum Bayar kantin	3 680	6 660
Majalah belum bayar	50	70
Yuran belum terima	265	385
Yuran belum terperoleh	130	-

- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai hasil.
 (iii) Upah pekerja masih belum dibayar berjumlah RM500.
 (iv) Insurans dibayar adalah untuk tempoh setahun berakhir 31 Ogos 2023.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli [5 markah]
 (b) Akaun Perdagangan Kantin bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [4 markah]
 (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [8 markah]
 (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023. [8 markah]

- 3 Jessy Lim, seorang pemilik perniagaan Jessy Trading yang menjual pakaian sukan. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaannya.

	1 Ogos 2022	31 Julai 2023
	RM	RM
Premis	148 870	148 870
Lekapan	4 530	Perlu dikira
Akaun Belum Terima	2 130	2 700
Inventori	2 740	Perlu dikira
Modal	89 060	Perlu dikira
Pinjaman (8%)	70 000	70 000
Akaun Belum Bayar	1 200	2 400
Komisen belum terima	370	-

Berikut adalah ringkasan akaun bank bagi tahun berakhir 31 Julai 2023.

PENERIMAAN:		RM	PEMBAYARAN:		RM
Baki b/b	1 620		Ambilan	1 230	
Jualan	2 360		Insurans	1 240	
Modal	12 000		Faedah pinjaman	5600	
Sewa diterima	1 500		Gaji	3 860	
Akaun Belum Terima	56 820		Akaun Belum Bayar	43 850	
Komisen diterima	370		Utiliti	720	
			Lengkapan	1 560	
			Belanja runcit	180	

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori akhir:

Produk	Kos (RM)	Harga semasa (RM)
Pakaian sukan (stor A)	13 834	19140
Pakaian Sukan (stor B)	970	4 340
Pakaian Sukan (stor C)	6 240	6166
Jumlah	21 044	26 670

- (ii) Perkara ini belum direkodkan:

- a) Jessy telah mengambil barang niaga dari stor A untuk kegunaan sendiri sebanyak RM1 000.
- b) Pulangan jualan oleh pelanggan berjumlah RM250.
- c) Pada 21 Julai 2023, kebakaran di stor B berlaku menyebabkan rugi atas kebakaran sebanyak RM480. Akhirnya, Jessy telah berjaya menuntut pampasan kebakaran sebanyak 70% atas kos secara cek dari Syarikat Insurans Takaful.

- (iii) Peruntukan hutang ragu sebanyak 2% atas Akaun Belum Terima diwujudkan.

- (iv) Lekapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Terima [4 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2023. [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023. [8 markah]

- 4 (a) Puan Siti ialah pemilik perniagaan Butik Siti di Simpang Empat, Pulau Pinang. Beliau ingin menyediakan anggaran belanjawan tunai.

Imbangan Duga pada 30 September 2023 adalah seperti berikut:

Butir	Debit RM	Kredit RM
Tunai	8 000	
Bank	14 390	
Tunai Runcit	500	
Mesin Jahit	35 000	
Susut Nilai Terkumpul Mesin Jahit		3500
Lengkapan	15 000	
Susut Nilai Terkumpul Lengkapan		1 500
Perabot	10 000	
Susut Nilai Terkumpul Perabot		1 000
Belian	25 000	
Jualan		65 000
Sewa	2 000	
Gaji	1 500	
Kadar bayaran	300	
Akaun Belum Terima	2 500	
Pinjaman (6%)		15 000
Modal		28 390
Hutang lapuk	200	
	114 390	114 390

Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai adalah seperti berikut.

- (i) Anggaran jualan bagi bulan Oktober, November dan Disember dijangka meningkat 10% daripada bulan sebelumnya. 40% daripada jualan adalah secara kredit dengan tempoh selama 30 hari.

- (ii) Anggaran jumlah belian

	RM
Oktober	26 250
November	27 000
Disember	30 000

80% daripada belian secara kredit dan tempoh kredit selama 30 hari.

- (iii) Lain-lain penerimaan dan pembayaran adalah malar seperti bulan September.

- (iv) Pinjaman diperoleh pada 30 September 2023 dan ansuran pinjaman bermula pada bulan Oktober. Tempoh bayaran balik selama 2 tahun.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2023.

[12 markah]

- 4 (b) Maklumat di bawah menunjukkan kos pengeluaran dan hasil jualan bagi Produk WQ01 pada tingkat pengeluaran yang tertentu.

Tingkat Pengeluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Hasil (RM)
0	2 000	0
500	3 000	1 500
1 000	4 000	3 000
1 500	5 000	4 500
2 000	6 000	6 000
2 500	7 000	7 500
3 000	8 000	9 000

Berdasarkan jadual di atas **anda dikehendaki**

- (i) Melakar graf titik pulang modal dengan menunjukkan :
1. Garisan Kos Tetap [1 markah]
 2. Garisan Jumlah Kos [1 markah]
 3. Garisan Jumlah Hasil [1 markah]
 4. Titik Pulang Modal [1 markah]
 5. Lorekan kawasan untung dan rugi [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua fungsi titik pulang modal [2 markah]

- 5 (a) Lisa dan Mimi berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah 2:1. Mereka membuat keputusan untuk membubarkan Perkongsian L&M pada 31 Mei 2023 apabila Lisa memutuskan untuk berhijrah ke luar negara bersama keluarganya.

Maklumat berikut menunjukkan kedudukan kewangan Perkongsian L&M pada 31 Mei 2023.

	RM
Akaun Modal:	
Lisa	60 000
Mimi	30 000
Akaun Semasa:	
Lisa	7 600
Mimi	(3 000)
Kenderaan	55 000
Lengkapan	30 500
Inventori	10 800
Akaun Belum Terima	8 200
Bank	(4 300)
Akaun Belum Bayar	5 600

Maklumat Tambahan:

- (i) Aset berikut telah dijual dan hasil jualan dibankkan

Kenderaan	RM50 000
Inventori	RM10 200
- (ii) Mimi mengambil alihengkapan dengan kos RM28 000
- (iii) Lisa mengambil alih Akaun Belum Terima dengan harga RM7 600
- (iv) Kos pembubaran RM700 dan diskaun diterima daripada Akaun Belum Bayar adalah RM400
- (v) Sekiranya berlaku kurangan dalam Akaun Modal, pekongsi akan menampungnya dengan membawa masuk tunai

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Realisasi [7 markah]
- (ii) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) [5 markah]

- 5 (b) Syarikat Mutiara Impian Berhad menjalankan perniagaan membekalkan pelbagai peralatan sukan. Syarikat memerlukan modal untuk memulakan perniagaan. Syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 200 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam pada 1 Januari 2023. Pada 31 Januari 2023, semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Untuk mengembangkan perniagaan syarikat, ahli Lembaga pengarah telah memutuskan dalam mesyuarat untuk menambahkan terbitan syer pada 1 April 2023 iaitu 50 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 50 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 April 2023.

Disebabkan permintaan peralatan sukan semakin meningkat, mesyuarat ahli Lembaga pengarah syarikat sebulat suara bersetuju pada 1 September 2023 menerbitkan 100 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 50 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 September 2023.

Anda dikehendaki menghitung perkara berikut dalam jadual di **Lampiran 2**

- | | | |
|-------|--------------------------------------|------------|
| (i) | Modal Syer Keutamaan | [3 markah] |
| (ii) | Modal Syer Biasa | [3 markah] |
| (iii) | Modal diterbitkan dan berbayar penuh | [2 markah] |

- 6 (a) Berikut adalah buku catatan pertama Perniagaan Ahmad yang menjalankan perniagaan runcit di Bandar Tasek Mutiara.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2023 Okt 1	Tunai Bank Kenderaan Lengkapan Modal (Memulakan perniagaan)		2 000 20 000 50 000 10 000 82 000	82 000 82 000

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2022 Okt 3	Perniagaan Muaz		Inv 4256	10 800
15	Perniagaan Ah Chai		Inv 8998	12 500
31	Akaun Belian	Dt		23 300

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2022 Okt 10	Kedai Runcit Lesong		2311	8 200
25	Ramasamy Enterprise		2312	7 300
31	Akaun Jualan	Kt		15 500

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	F	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2022 Okt 20	Perniagaan Ah Chai		NK544	200
31	Akaun Pulangan Belian	Kt		200

Buku Tunai (Petikan)

Tarikh	Butir	Fol	Bank (RM)	Tunai (RM)	Tarikh	Butir	Fol	Bank (RM)	Tunai (RM)
2023 Okt 1	Modal		20 000	2 000	2023 Okt 27	Utiliti			250

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke akaun-akaun lejar yang berkaitan. [12 markah]

- 6 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Pearl Trading pada 30 September 2023.

Aset bukan semasa	Tarikh beli	Kos (RM)
Van	1 April 2021	40 000
Lori	1 Oktober 2021	90 000
Kabinet rak pameran	1 Oktober 2022	20 000

Maklumat tambahan:


- (i) Semua aset bukan semasa disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Van telah dijual pada 30 September 2023. Cek bernilai RM20 000 telah diterima sebagai nilai jualan van tersebut.
- (iii) Tahun kewangan Pearl Trading berakhir pada 30 September setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Pelupusan Kenderaan [4 markah]
- (ii) Catatan dalam Jurnal Am untuk merekod susut nilai aset bukan semasa bagi tahun berakhir 30 September 2023. (Keterangan diabaikan)

[4 markah]

LAMPIRAN 1



5 (b) (i)

Tarikh	(i) Syer Keutamaan	(ii) Syer Biasa
31 Januari 2023		
30 April 2023		
30 September 2023		

(iii) Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
---	--